



Ruj. kami : Bil. (13) dlm.BPFK/30/08/1 bhg2  
Tarikh : 24 Julai 2015

**Usahawan RTC**  
**Pengurus Syarikat Yang Berkenaan**

Tuan / Puan,

**SEMINAR RTC KAWALAN UBAT TRADISIONAL DAN KOSMETIK 2015 (ZON SARAWAK) OLEH BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN, KKM**

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Seminar RTC Kawalan Ubat Tradisional Dan Kosmetik 2015 untuk usahawan RTC dan Pengilang Ubat Tradisional dan Kosmetik yang terletak di Zon Sarawak akan diadakan di **Riverside Majestic Hotel, Jalan Tunku Abdul Rahman, 93756 Kuching, Sarawak** pada **22 – 23 September 2015**. Maklumat lanjut berkenaan bengkel ini boleh dirujuk pada lampiran yang disertakan.

3. Bengkel ini adalah bermatlamat untuk memberi pendedahan kepada para peserta berkaitan kawalan ubat tradisional dan produk kosmetik di Malaysia, memberi kemahiran asas kepada para peserta membuat pendaftaran ubat tradisional dan notifikasi produk kosmetik di atas talian dan juga memberi kefahaman asas berkaitan keperluan Amalan Perkilangan Baik dan Amalan Edaran Baik.

4. Bengkel ini diberikan secara percuma. Walau bagaimanapun, tiada penginapan disediakan. Oleh yang demikian, seramai **2 wakil syarikat** tuan / puan dijemput untuk menghadiri bengkel tersebut. Tuan/Puan diminta mengisikan borang pendaftaran secara online melalui <http://goo.gl/forms/sBNf4mYURw> atau melalui borang yang dilampirkan dan tarikh tutup penyertaan ialah **28 Ogos 2015**. Sila daftar segera kerana tempat adalah **terhad**. Sebarang pertanyaan sila hubungi **En. Francis Teng** di atas talian **03-7801 8551** atau [francisteng@bpfk.gov.my](mailto:francisteng@bpfk.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(AHMAD SYAMSURY SULAIMAN)**

Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Pusat Komplians dan Pelesenan  
b.p. Pengarah Regulatori Farmasi  
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan  
Kementerian Kesihatan Malaysia.  
pkp/ftcc



Certified to ISO 9001:2008  
Cert. No. : AR 2293



Member of  
Pharmaceutical Inspection  
Cooperation Scheme



Non Member Adherence to  
Mutual Acceptance  
of Data for GLP